



Budaya Cintakan Kebersihan

Klang, 6 Mac 2023 – Dalam usaha ke arah menjadi Bandaraya Idaman, Yang Dipertua MPK, TPr. Hajah Noraini Roslan pada Majlis Perhimpunan Warga Kerja MPK pagi ini mahu warga Klang dan MPK khususnya menjadikan budaya cintakan kebersihan sebagai norma kehidupan seharian.


Dalam ucapannya, beliau mengatakan MPK menerusi penganjuran program-program komuniti yang bertemakan Kebersihan Tanggung Bersama akan mencetus pembentukan minda kelas pertama di kalangan warga Klang iaitu minda yang cintakan kebersihan dan keselamatan alam sekitar.



Akan datang..



Nantikan..



Kandungan

Berita

Kayuhan Menjunjung Kasih Edisi 3 2022	3
Ucapan YDP MPK	4
Perasmian Masjid Kota Raja Klang	6
Kunjungan Majlis Perbandaran Alor Gajah	7
Seminar Khazanah Alam PADAT	8
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Sanjungan Budi MPK 2022	9
Jejak Silat Klang	10
Kunjungan Penyelidik Sarjana UiTM	12
Perbincangan Penulisan dan Penerbitan Buku	12

Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang

Terminologi (Bahagian 1)	13
--------------------------	----

Asal Usul

Klang (Bahagian 3)	14
--------------------	----

Laman Jawi

Surat Raja Muda Selangor kepada Francis Light berkaitan dagangan	15
------------------------------------------------------------------	----

Kenali Warisan

Apa Itu Pemuliharaan (Konservasi)	16
-----------------------------------	----



Sidang Redaksi



Penaung

YBrs. TPr. Hajah Noraini binti Roslan S.I.S, P.P.T.

Penasihat

Norfiza binti Mahfiz

Nor Haslinah binti Mohamed Jaafar

Kurator / Pengarang / Editor / Penyelidik

Faisal bin Dato' Haji Surani

Penolong Kurator / Pengarang / Pembantu Tadbir

Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Menjelang 10 bulan lagi acara pengisytiharan Majlis Bandaraya Klang, persediaan semakin rancak dilakukan oleh MPK.

Persediaan ini bukan sahaja dengan penganjuran pelbagai program tetapi juga melibatkan persediaan fizikal bandar Klang. Antaranya termasuklah penyediaan Pelan Fizikal Reka Bentuk Bandar Klang; Mesyuarat Teknikal Pembangunan dan Reka Bentuk Bandar Jalan Raya Timur Klang dan Pemasangan Kamera Litar Tertutup (Closed Circuit Television - CCTV) di laluan Jejak Warisan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Selangor.

Bagi program pula sudah pastinya warga Klang menunggu Majlis Pengisytiharan Majlis Bandaraya Klang di samping beberapa program sukan dan budaya yang sedang dirangka.

Sesuatu yang unik kali ini adalah penglibatan pihak swasta dan badan-badan bukan kerajaan pelbagai kaum dalam penganjuran beberapa program yang dicadangkan oleh mereka sendiri mengikut kemampuan dan kepakaran masing-masing. Mereka secara sukarela ingin bersama-sama dengan MPK hendak meraikan sambutan naik taraf Klang menjadi sebuah bandar raya.

Sikap sebegini wajar dipuji, digalakkan dan perlu ada di kalangan penduduk yang bakal menjadi warga bandar raya. Perubahan minda sebegini menjadi asas kepada sebuah Bandaraya Idaman.

Kepada umat Islam, Sidang Redaksi mengucapkan selamat melaksanakan ibadah puasa.

*Faisal bin Dato' Haji Surani
Kurator*

Tinta Pena Kurator

Warta Warisan MPK diterbitkan oleh

Bahagian Warisan, Pusat Sumber MPK,
Pejabat Cawangan MPK Jalan Tengku Kelana,
Lot 175 Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang,
Selangor Darul Ehsan.

Warta Warisan MPK Online

<https://www.mpklang.gov.my/ms/warta-warisan>

Kurator: +603 33758080
Pusat Sumber: +603 33758006
Faks: +603 33731978

Kayuhan Menjunjung Kasih Edisi 3 2022

Klang, 19 Mac 2023 – Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah berkenan mencemar duli menyertai Kayuhan Menjunjung Kasih Edisi ke-3 2022 pagi ini.

Baginda memulakan kayuhan bersama 938 peserta sekitar jam 8.20 pagi dari Galeri Jualan Sime Darby, Bandar Bukit Raja, di sini. Pelepasan acara kayuhan telah disempurnakan Ahli Parlimen Klang, V. Ganabathirau.



Program dwitahunan anjuran *Sime Darby Property* bersama MPK akan melalui kawasan bersejarah di Klang seperti Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, Jambatan Kota dan Kompleks Sukan Pandamaran bagi tujuan promosi kawasan menarik dan bersejarah di Klang di samping memupuk gaya hidup sihat.

Peserta kayuhan akan berhenti seketika di Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, Kompleks Sukan Pandamaran dan persimpangan Bandar Bukit Raja. Sebagai simbolik sambutan 50 Tahun *Sime Darby Property*, jarak kayuhan edisi kali ini adalah sejauh 50 km berbanding dua edisi sebelum ini.



Ucapan

6 MAC 2023

YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Oleh: Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana pertemuan sebegini merupakan satu wadah untuk semua warga berjumpa, berinteraksi dan saling kenal mengenali antara satu sama lain meskipun berbeza bahagian dan tugas.

Perhimpunan pada pagi ini, telah dihoskan secara bersama oleh empat jabatan iaitu Jabatan Undang-undang, Jabatan Penguatkuasa, Jabatan Pengurusan Pasar dan Penjaja dan Jabatan Perkhidmatan Persekitaran.

Norma penganjuran perhimpunan warga kerja MPK secara bersama ini akan diteruskan untuk perhimpunan-perhimpunan warga kerja MPK seterusnya yang telah dijadualkan pada bulan Mei, Julai, September dan November pada tahun ini.

Sengaja ditetapkan sedemikian bagi meningkatkan semangat kerjasama pegawai dan kakitangan di antara Jabatan yang terlibat selain penerapan nilai dalam kesepakatan melaksanakan sesuatu tugas bak kata peribahasa “kata seorang dibulati, kata bersama diperiakkan”.

Selaras dengan peribahasa tersebut, tindakan penguatkuasaan secara bersepadu atau bersama yang telah diperkenalkan di MPK atau lebih dikenali dengan nama “Joint Force” telah mula dilaksanakan melalui J-Force 1 pada 16 Mac 2022 sehingga 16 April 2022 manakala J-Force 2 pada 1 Ogos 2022 sehingga 31 Ogos 2022.



Kerjasama strategik ini tidak terhenti setakat itu, di mana dengan aspirasi “Kebersihan Tanggungjawab Bersama” J-Force kali ini memberi tumpuan utama kepada pemantauan dan tindakan penguatkuasaan terhadap kesalahan tidak menjaga kebersihan sehingga menyebabkan kekotoran dan pembuangan sisa pepejal yang tidak terkawal.

Modus Operandi J-Force kali ini terdiri daripada 4 kumpulan iaitu J-Force Alpha, Beta, Charlie dan Delta yang melibatkan seramai 104 anggota. Waktu operasi adalah pada setiap hari jam 8:00 pagi sehingga 12:00 malam.

Kumpulan sasaran adalah industri/kilang, perniagaan/komersial, penjaja, perumahan dan Aset/Gerai Majlis. Kawasan operasi adalah beberapa lokasi yang telah dikenal pasti di Klang Utara dan Klang Selatan seperti Taman Sri Andalas, Taman Sentosa, Taman Eng Ann dan Meru. Laporan secara in-situ menggunakan Sistem Pelaporan GIS.





Undang-Undang yang diguna pakai dalam pelaksanaan J-Force 3 secara amnya adalah:

- i. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
- ii. Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133);
- iii. Undang-Undang Kecil Taman (MPK) 2005;
- iv. Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MPK) 2007;
- v. Undang-Undang Kecil Penjaja (MPK) 2007;
- vi. Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (MPK) 2007;
- vii. Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPK) 2007; dan
- viii. Undang-Undang Kecil Pasar (MPK) 2007.

Jabatan yang terlibat adalah Jabatan Penguatkuasa, Jabatan Pengurusan Harta, Jabatan Pelesenan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Bangunan, Jabatan Taman dan Rekreasi, Jabatan Perkhidmatan Persekitaran dan Jabatan Pengurusan Pasar dan Penjaja.

Kompaun-kompaun yang dikeluarkan sepanjang tempoh J-Force 3 adalah merupakan "Kompaun Tanpa Rayuan" di mana tiada pengurangan kadar kompaun boleh diberikan.

Tahun 2022 menunjukkan bahawa aduan bagi kebersihan sebanyak 2,471 manakala kompaun bagi kesalahan kebersihan adalah sebanyak 700 kompaun telah dikeluarkan.

Tema "Kebersihan Tanggungjawab Bersama" bakal mencetus pembentukan minda kelas pertama iaitu minda yang cintakan kebersihan dan kemampunan alam sekitar bukan sahaja di kalangan warga kerja MPK tetapi juga di kalangan seluruh warga Klang melalui program-program komuniti sihat dan sejahtera.

Kebersihan adalah satu perkara yang perlu dititikberatkan dalam kehidupan seharian. Ini adalah kerana kebersihan juga berkait rapat dengan kesihatan sebagai contoh jika sayur yang dimakan tidak dicuci dengan bersih khuatir yang sayur tersebut boleh tercemar dengan bakteria *Escherichia coli* (E. coli) atau *salmonela* yang boleh menyebabkan penyakit.

Selain tempat tinggal, kawasan persekitaran tempat kerja juga perlu bersih dan kondusif. Sedar akan perkara tersebut, pada 10 Februari 2023 yang lepas telah diadakan Program Gotong Royong Pengindahan Kawasan EKSA yang melibatkan seluruh warga kerja MPK.

Antara matlamat utama bandaraya idaman adalah untuk menghasilkan gagasan Klang Sihat dan Sejahtera dengan memupuk budaya cintakan kebersihan di kalangan semua warga Klang amnya dan warga MPK khususnya.

Sekian, w.b.t terima kasih.

TPr. Hajah Noraini Binti Roslan S.I.S., P.P.T.
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Klang



Perasmian Masjid Kota Raja Klang



Klang, 28 Mac 2023 – Sebuah lagi mercu tanda Islam di Klang iaitu Masjid Kota Raja di Jalan Sungai Jati di sini selamat disempurnakan perasmiannya oleh DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj petang ini.



Baginda diiringi oleh Tengku Permaisuri Selangor pada majlis berkenaan yang turut dihadiri DYTM Raja Muda Selangor, Dato' Mufti Selangor, YDP MPK dan Pegawai Daerah Klang.

Baginda meluangkan masa berbuka puasa dan menunaikan solat Tarawih bersama penduduk Klang. Sebelum itu baginda turut berkenan menyampaikan sumbangan kepada golongan asnaf dan fakir daerah Klang.





Lawatan Sambil Belajar dan Rujukan Penanda Aras Majlis Perbandaran Alor Gajah

Laporan Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza

Klang, 20 Mac 2023 – Pagi ini MPK menerima kunjungan daripada Jabatan Perancang Bandar Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG).

Kunjungan sehari mereka bertujuan melakukan lawatan sambil belajar dan membuat rujukan penanda aras bagi mendapatkan input tentang pengurusan Caj Pemajuan dan Penilaian Cukai Taksiran Pelabuhan daripada pihak MPK.

Rombongan MPAG diketuai oleh Ahli Majlis MPAG, Tuan Haji Babron Ihsean bin Adam, mewakili YDP MPAG, Tuan TPr. Saifuddin bin Abdul Karim. Beliau turut disertai oleh seorang lagi Ahli Majlis MPAG, Encik Abdul Razak bin Jalal; Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPAG, TPr. Nurul Adawaty binti Haji Ismail dan Pegawai Perancang Bandar MPAG, Encik Mohd Zaidi bin Amir Hamzah.

Setelah sesi perbincangan pada sebelah pagi, rombongan MPAG telah dibawa melawat ke kawasan Jejak Warisan Klang pada sebelah tengah hari. Antara tempat yang dilawati adalah Laman Seni Safari, Gedung Sutera Chennai dan Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz.



Seminar Khazanah Alam

MENEROKAI KEPELBAGAIAN PRIMAT DI MALAYSIA

**Penyertaan Terbuka Kepada
IPTA/IPTS, Jabatan Kerajaan, Agensi berkaitan dan Muzium-muzium di Malaysia**
21hb Mac 2023 (Selasa)
Hotel De Palma Shah Alam

<p>Panel 1 Dr Azharuddin Mohamed Dali UM (Moderator / pembentang) <small>Kepelbagaian Khas Haiwan Dalam Segarah Selangor</small></p>	<p>Panel 3 Jabatan Perhilitan Malaysia</p>
<p>Panel 2 Dr Nurul Iza Adrina binti Mohd Rameli, USM <small>Primate Di Selangor</small></p>	<p>Panel 4 Dr Muhd Daniel Felix bin Abdullah, UPM <small>Captive Management of Primate Species In Malaysian Zoo</small></p>

Untuk Maklumat Lanjut, Sila Hubungi Urus Setia :-
019-345 0029 (En. Humaizi) / 012-6998662 (Pn. Abby)

**Yuran Penyertaan
RM150**
Terhad kepada 35 orang peserta
Percuma T-shirt

**TARIKH TUTUP
PENYERTAAN
9 MAC 2023 (KHAMIS)**

IMBAS KOD QR
UNTUK MAKLUMAT LANJUT
DAN PENDAFTARAN



Laporan Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza

Shah Alam, 21 Mac 2023 – Buat julung kalinya Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) menganjurkan Seminar Khazanah Alam bertajuk Menerokai Kepelbagaian Primat di Malaysia.

Seminar ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan penerangan lanjut daripada pakar-pakar dan golongan akademik bagi membantu penyelidikan tentang spesies haiwan primat di Malaysia.

Seminar telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PADAT, Dr. Nadia Widyawati Madzhi dan dihadiri oleh Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Negeri Selangor, Encik Dennis Ten Choon Yung sebagai mewakili YBhg. Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim, Ketua Pengarah PERHILITAN Malaysia.

Sembilan belas buah jabatan dan agensi kerajaan termasuk MPK telah menyertai seminar sehari yang berlangsung di Hotel De Palma, Shah Alam Selangor. Empat orang ahli panel telah diundang daripada Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan PERHILITAN bagi menyampaikan ilmu kepakaran dan pengalaman bidang masing-masing.

Ahli-ahli Panel



Panel 1:
Dr. Azharudin Md Dali UM



Panel 2:
Dr. Nurul Iza Adrina Mohd
Rameli USM



Panel 3:
Hani Nabilia Muhd Sahimi
PERHILITAN



Panel 4:
Dr. Muhd Felix Abdullah UPM



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Sanjungan Budi MPK 2022



Klang, 17 Mac 2023 – Malam ini menyaksikan 127 orang kakitangan MPK menerima anugerah perkhidmatan cemerlang pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Sanjungan Budi 2022 MPK bertempat di Dewan Hamzah.

YDP MPK, TPr. Noraini Roslan berkata majlis ini bertujuan mengiktiraf dan menghargai khidmat bakti serta sumbangan warga kerja MPK yang menunjukkan prestasi kerja cemerlang di samping menyampaikan Penghargaan Pesara dan Gemulah 2022.

Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin yang mewakili Ketua Setiausaha Negeri Selangor, hadir merasmikan majlis yang bertemakan warisan tradisional ini. Beliau turut menyampaikan anugerah kepada para penerima.

Majlis turut dihadiri Setiausaha MPK, Elya Marini Darmin, Ahli-ahli Majlis MPK, Ketua-ketua jabatan dan kakitangan MPK.



Bil. 4 14 Mac 2023

Jejak Silat Klang

Luhur Budaya Alam Melayu



42 TAHUN BERPASAK DI BUMI KLANG

IKHWAN WAHIDON

Pertubuhan Seni Silat Gerak Teras Pasak Bumi Melayu (PSSGTPBM) Selangor merupakan salah satu seni warisan mempertahankan diri Melayu di Malaysia. Pertubuhan ini merupakan pecahan daripada Seni Silat Gerak Suci yang diasaskan oleh Allahyarham Tuan Mahaguru Mukhtar Affandi bin Mohamed pada tahun 1979 di Kanchong Darat, Banting, Selangor.

Di Klang, Allahyarham Tuan Mahaguru Mukhtar Affendi telah mengiktiraf salah seorang anak muridnya, Saiful Azhar bin Kamar sebagai Mahaguru untuk menerajui PSSGTPBM. Mahaguru Saiful Azhar mula mengembangkan pertubuhan ini dengan membuka gelanggang di Kampung Jawa, Klang pada tahun 1981.



Info Ringkas



PERTUBUHAN SENI SILAT
GERAK TERAS PASAK
BUMI MELAYU

Jurulatih
MOHD RAFIE BIN OSMAN

Hubungi:
017 3930252
pasakbumigt@gmail.com

Lokasi
KAMPUNG DELEK
KAMPUNG JAWA
SUNGAI KAPAR INDAH

Waktu Latihan
JUMAAT 9.00 MLM





Sehingga hari ini, PSSGTPBM mempunyai lima cawangan gelanggang silat di sekitar Klang bertempat di Kampung Delek, Rantau Panjang, Pulau Indah, Batu 4 Kapar, dan Sungai Kapar Indah. Cawangan-cawangan ini telah ditugaskan kepada guru-guru muda PSSGTPBM yang telah diberi mandat untuk mengajar. Menurut Encik Rafie, pertubuhan ini mempunyai hampir 500 orang ahli yang daripada pelbagai peringkat umur di sekitar Klang. Sokongan daripada penduduk sekitar merupakan pemangkin utama dalam memajukan pertubuhan silat ini bagi melahirkan generasi yang berani dan berketerampilan.



Antara pencapaian terbaik pada tahun 2022 bagi PSSGTPBM ialah apabila memenangi 6 emas 5 perak dan 5 gangsa dalam kejohanan Sirkuit 1 Sekolah 1 Silat peringkat daerah Klang menerusi atlet-atlet Sekolah Menengah Kebangsaan Rantau Panjang. Kejohanan yang berlangsung pada 19 sehingga 21 Julai 2022 ini menonjolkan kebolehan atlet-atlet PSSGTPBM di peringkat daerah seterusnya mengharumkan nama persatuan tersebut. Pertubuhan ini turut mengadakan Sambutan Hari Kemerdekaan ke 65 di gelanggang Sungai Kapar Indah dan dihadiri oleh cawangan gelanggang sekitar Klang.

Selepas 42 tahun pertubuhan ini bertapak di Klang, PSSGTPBM terus kukuh di arena persilatan Klang. Sinergi antara guru latih dan gelanggang cawangan menjadi resipi utama kejayaan pertubuhan ini dalam menarik minat ahli-ahli baru untuk terlibat dengan aktiviti silat.

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ



AMIRRUDIN YAHYA

Telah meninggal dunia pada 31 Dec 2022

"Semoga amal ibadahnya diterima di sisi Allah SWT."

Pemergian salah seorang jurulatih PSSGTPBM gelanggang Kampung Delek

Kunjungan Penyelidik Sarjana Universiti Teknologi Mara

Laporan Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza

Klang, 1 Mac 2023 – Pusat Sumber MPK telah menerima kunjungan daripada dua orang mahasiswa Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Puncak Alam yang berhasrat mendapatkan maklumat dan informasi bagi tujuan penyelidikan mod Siswazah.

Dua pelajar berkenaan sedang menjalankan penyelidikan tentang sejarah Pasar Besar Meru, Klang dan menerangkan secara ringkas tentang kerja penyelidikan yang sedang dijalankan kepada Kurator MPK, Faisal Surani. Mereka turut memaklumkan tentang cabaran dan kesukaran mendapatkan maklumat yang tidak lengkap dan keabsahan sesuatu sumber.

Penerangan lebih lanjut berhubung sejarah pasar besar tersebut diberikan oleh Kurator MPK, Faisal Surani. Beberapa bahan rujukan daripada pusat sumber turut diteliti bagi membantu usaha penyelidikan mereka.




PASAR BESAR KLANG

SEGAR - BERSIH - SENANG



Kunjungan Hormat kepada Kurator



Klang, 16 Mac 2023 – Kurator MPK telah menerima kunjungan Encik Muhammad Hafiz bin Samsudin, salah seorang penulis bagi *The Patriots Asia*, sebuah kumpulan penulisan kandungan digital tersohor di tanah air.

Beliau melahirkan hasrat untuk menulis dan menerbitkan buku bertemakan sejarah Klang dengan Kurator MPK, yang pada pendapat beliau merupakan tokoh penyelidik penting Selangor.

Menurut beliau lagi yang merupakan anak jati Klang Bandar Diraja, beliau amat berbesar hati sekiranya Kurator MPK sudi mengajar dan bekerjasama dengan beliau menulis buku sejarah tentang Klang.

Perbincangan singkat itu meliputi topik dan bidang yang sesuai serta jarang atau belum pernah dikaji mana-mana pihak, antaranya tentang institusi Diraja di Klang dan tokoh-tokoh agama.



Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang



Terminologi (Bahagian 1)

Sebelum pergi lebih mendalam, ada baiknya dikenali dahulu beberapa terminologi utama yang digunakan dalam projek Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang. Perkara ini penting agar pembaca dapat memahami pelaksanaan projek jejak warisan.

Penyelarasan terminologi dalam projek ini dilakukan supaya tiada kekeliruan dan kesilapan berlaku sewaktu penyediaan reka bentuk dan penyampaian cerita jejak warisan.

Jejak Warisan

Frasa Jejak Warisan telah digunakan dan diperakui dalam mempromosikan kawasan bernilai sejarah dan warisan serta membangunkan sektor pelancongan.

Ia merujuk kepada kawasan yang bernilai sejarah, mempunyai tema serta karakter tersendiri dan sempadan tertentu yang memerlukan penambah baikkan.

‘Jejak’ secara umum merujuk kepada keseluruhan kawasan yang mempunyai karakter istimewa dan tema tertentu untuk membezakan setiap kawasan.

Kawasan jejak warisan akan menghubungkan elemen pejalan kaki, aset warisan atau sejarah sedia ada, institusi atau organisasi dan suasana tempat (*sense of place*) ketika seseorang berada di kawasan tersebut.



Nodus

Nodus merujuk kepada satu titik tumpuan dengan lokasi yang strategik di dalam kawasan jejak warisan di mana maklumat tentang papan cerita, nilai warisan dan sejarah, penunjuk arah, peta kawasan jejak warisan disediakan

Terbahagi kepada **Nodus Utama** dan **Nodus Jejak**

Nodus Utama adalah pusat utama kepada semua jejak di mana ia akan menjadi tempat permulaan bagi pelancong dan pengunjung yang ingin mengikuti Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang.

Di sini pelancong dan pengunjung boleh memilih untuk menyertai semua jejak atau jejak pilihan mereka sukai dan minati.

Sebagai pusat utama jejak, Nodus Utama berperanan untuk memperkenalkan kesemua jejak yang ada dalam Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang kepada semua pelancong dan pengunjung.

Nodus Jejak adalah permulaan bagi setiap jejak warisan dengan tema tertentu serta ciri-ciri tertentu.



Pelabuhan Swettenham (Klang) 1907

Menurut cerita lisan orang-orang tua di Klang, nama Klang berasal dari perkataan kelam kabut. Versi ketiga ini dikatakan berasal daripada sebutan tempatan perkataan kelam kabut, iaitu 'kelang kabut'.

Keadaan kelam kabut yang dimaksudkan di sini adalah merujuk kepada keadaan kelam kabut dan kesibukan kapal serta perahu dagang yang keluar masuk Sungai Klang yang berlaku di Pengkalan Batu dan Pengkalan Kampar. Maka dinamakan orang tempat ini 'Kelang'.

Klang **Bahagian 3**

Asal Usul

Walau bagaimanapun sukar untuk diterima akal kerana hanya berdasarkan kepelatan sebutan tempatan dan kedua telah wujud petempatan serta aktiviti perdagangan terlebih dahulu.


Pada masa dahulu hanya Pengkalan Batu sahaja yang digunakan untuk aktiviti perdagangan manakala Pengkalan Kampar pula hanya digunakan oleh para perantau untuk keluar masuk Klang.

Ilustrasi keadaan di pelabuhan Melaka pada abad ke-15 yang menunjukkan kehadiran pedagang dan pelawat dari pelbagai bangsa dan negara. Adakah ini gambaran keadaan yang sama di Pengkalan Batu dan Pengkalan Kampar di Klang yang merupakan salah satu pengeksport timah utama ketika itu?



Laman Jawi / لامن جاوي

Transliterasi Surat: Surat Raja Muda Selangor kepada Francis Light berkaitan dagangan



Ini alamat surat tanda tulus dan ikhlas serta cuci putih hati iaitu daripada Tunku Raja Muda yang duduk di dalam negeri Selangor

Barang disampaikan Tuhan seru alam apa kiranya datang kepada sahabat kita Guhnaduru yang duduk di Pulau Pinang karena khabar Nakhoda Ahmad itu adala setara kepada sahabat kita

Jikalau ada seperti yang di dalam surat ini sahabat kita berila barang satu peti kepada tangan Lebai

Abdul Khatab kerana dia wakil mutlak kita datang kepada sahabat kita

Kulit luar surat:

Ini surat Tunku Raja Muda Selangor.

Sumber dan Transliterasi Jawi:
Perpustakaan Universiti Sains Malaysia

Apa itu Pemuliharaan (Konservasi)

Menurut Kamus Dewan, konservasi adalah proses pemuliharaan iaitu pemeliharaan atau penjagaan sesuatu secara tersusun bagi mengatasi kerosakan atau kemusnahan.

Dalam bidang warisan, konservasi adalah istilah umum yang merujuk kepada aktiviti pemuliharaan ke atas bangunan, monumen dan tapak yang merangkumi beberapa aktiviti lain seperti proses pemeliharaan (*preservation*), pemugaran (*restoration*), pembaik pulihan (*repair and rehabilitation*), pembinaan semula (*reconstruction*) dan penyesuaian guna (*adaptively reuse*) atau mana-mana gabungan antaranya. Ia juga disebut ‘pemuliharaan’ yang menggabungkan tindakan pemuliharaan dan pemeliharaan.

The International Council on Monuments and Sites (ICOMOS) di bawah Artikel 1.4 Piagam Burra telah mendefinisikan pemuliharaan sebagai proses memulihara sesuatu tempat supaya kepentingan kebudayaannya dapat dikekalkan.

Di Malaysia Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) menyatakan bahawa ‘pemuliharaan’ termasuklah pemeliharaan, pembaik pulihan, pembinaan semula, pemuliharaan dan penyesuaian atau mana-mana gabungannya.

Kenali Warisan



Proses membersihkan lumut pada dinding bangunan

Di bawah Akta 645 pemuliharaan adalah tindakan yang bertujuan untuk memberhentikan kemerosotan lanjut, reput atau keadaan usang pada bangunan, monumen dan tapak. Ia termasuklah:

- a. Teknik membantut atau memperlakan proses kemerosotan, reput atau keadaan usang sesuatu butiran atau struktur;
- b. Pembaikan keadaan struktur untuk menjadikan sesuatu struktur selamat, boleh didiami, atau selainnya berguna; dan
- c. Penyenggaraan biasa dan pembaikan kecil yang tidak mengubah atau memudaratkan rupa fabrik atau sejarah sesuatu struktur.

Sumber: Jabatan Warisan Negara



Proses Konservasi bumbung Masjid Diraja Sultan Suleiman Klang 2016